



## **KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER TERBUKA MALAYSIA ANTARABANGSA YANG KE-36**

### **LAPORAN**

***900 peserta dari 18 buah negara !***



**12 – 13 OKTOBER 2024  
STADIUM MINI MSN  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

## **PENDAHULUAN (INTRODUCTION)**

Kejohanan Olahraga Master Malaysia Antarabangsa Yang Ke-36 telah berlangsung dengan jayanya pada :

Tarikh : 12 – 13 Oktober 2024  
Hari : Sabtu dan Ahad  
Masa : 7.00 pagi – 6.00 petang  
Tempat : Stadium Mini MSN, Bukit Jalil,  
Kuala Lumpur, Malaysia

*(36th Malaysian International Open Masters Athletics Championships were held successfully on 12 – 13 October 2024, at Stadium Mini MSN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia).*

## **PESERTA**

Seramai 900 orang peserta dari 18 buah negara yang terdiri daripada umur 35 tahun ke atas sehingga 85 tahun dari dalam dan luar negara telah menyertai dalam kejohanan ini.

*(900 participants from Malaysia and foreign countries took part in this championships – including a few former Malaysian ex International athletes and ex Olympians)*

Negara-negara yang mengambil bahagian adalah:

<b>HONG KONG</b>	<b>INDONESIA</b>	<b>SOUTH AFRICA</b>
<b>IRELAND</b>	<b>INDIA</b>	<b>SRI LANKA</b>
<b>THAILAND</b>	<b>P. R. CHINA</b>	<b>TURKEYE</b>
<b>BRUNEI</b>	<b>SINGAPORE</b>	<b>PHILIPPINES</b>
<b>NEW ZEALAND</b>	<b>AUSTRALIA</b>	<b>UZBEKISTAN</b>
<b>MALDIVES</b>	<b>USA</b>	<b>MALAYSIA</b>

## **PENDAFTARAN DAN MESUARAT PENGURUS PASUKAN**

Semua peserta dan pasukan telah mendaftar dan mengutip nombor pada 11 Oktober 2024 (hari Jumaat), mulai jam 2.00 petang, di Stadium Mini MSN, Kuala Lumpur. Semua peserta telah dibekalkan dengan **Senarai nama peserta, Buku cenderamata, Sijil Penyertaan, nombor peserta dan “Topi” khas bersempena Sambutan Ulang Tahun POMM yang ke-40.**

Mesyuarat Pengurus Pasukan telah diadakan pada 11 Oktober 2024, jam 5.00 petang, di bilik mesyuarat Lavender, aras satu , Stadium Mini MSN. Seramai 45 orang pengurus pasukan dan pembantu mereka telah menghadiri. Semua mereka telah dijemput ke jamuan minum petang.

*(Nombor collection was held on 11th October 2024 from 2.00 pm. Team Managers' Meeting was held on the same day at 5.00 pm .)*

## **PERJALANAN KEJOHANAN**

Semua acara telah berlangsung dengan licin dan Upacara Penyampaian Hadiah telah berlangsung sepanjang 2 hari, kecuali beberapa isu teknikal yang kecil yang telah dapat diselesaikan dengan segera. Sebanyak 800 lebih hadiah telah disampaikan. Semua hadiah telah disampaikan selepas sahaja acara tamat. Walaupun pada sebelah petang hari pertama hujan turun , pertandingan telah dapat dijalankan dengan sedikit penyesuaian masa.

*(The chamonships was conducted well throughout the 2 days, and about 800 over medals were presented during the 2 days).*

## **MINUMAN MINERAL UNTUK PESERTA**

POMM telah membekalkan minuman mineral dan Minuman Milo kepada semua peserta dan pegawai pada kedua-dua hari kejohanan.

## **ANUGERAH KHAS**

### **1) WMA GALLERY OF CHAMPIONS 2024**

Atlet master **JULIANA GUMPIL (W60)** telah diraikan semasa kejohanan atas kejayaan beliau dipilih sebagai atlet master cemerlang WMA Gallery of Champions tahun 2024.

### **2). ANUGERAH KEPADA ATLET MASTER CEMERLANG**

Pada tahun ini POMM telah memilih atlet master **G. SURESH KUMAR** sebagai atlet master cemerlang dan telah menghadiahkan piala kepada beliau atas kejayannya mengambil bahagian dalam acara berjalan kaki mulai tahun 2010 sehingga tahun ini dan memenangi pingat pada setiap tahun. Beliau juga telah memenangi pingat di peringkat Asia dan Dunia.

### **3). HADIAH KEPADA KONTINJEN TERBESAR**

Hadiah khas telah disampaikan kepada kontinjen dengan penyertaan yang terbesar dari negeri Sabah dan dari Negara India.

### **4). PIALA DAN SIJIL KEPADA PEMENANGN PINGAT DALAM KEJOHAAN OLAHRAGA MASTER ASIA KE-22, 2023**

Atlet-atlet negara yang telah memenangi pingat dalam Kejohanan Olahraga Master Asia yang ke-22, di Filipina pada tahun 2023 juga telah dihadiahkan Piala dan sijil.

*(On 12th October 2024, at 3.00 pm a special ceremony was conducted to present special awards to Malaysian athlete who has been inducted into WMA Gallery of Champions 2024; Malaysian Master Athlete who has achieved excellence performances at National, Asian and World levels in Race walk events since 2010, and for two biggest contingent from Malaysia and India. The medal winners in the 22nd Asia Masters Athletic Championships were awarded with trophies and certificate of merit)*

## **UPACARA PENUTUPAN**

Upacara penutupan kejohanan telah diadakan pada 13 Oktober 2024, jam 6.30 petang di stadium dan penyampaian hadiah kepada pemenang dalam acara 3000m Lelaki, acara 4 x 100m dan 4 x 400m. Upacara Penyampaian telah disempurnakan oleh Presiden POMM, **Encik S. Sivapragasam**, Timbalan Presiden **Encik Selamat bin Sarif**, dan Penaung POMM, **YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran**.

(A simple closing ceremony was held at 6.30 pm with the presentation of prizes to the winners in the 3000m Men, 4 x 100m and 4 x 400m relay events by the President and the Patron of MMAA).

## **SUDUT PERMAINAN KECIL (MMAA FUN GAME CORNER)**

Semasa 2 hari kejohanan, Persatuan telah menganjurkan beberapa permainan kecil dan aktiviti-aktiviti yang menarik untuk semua peserta bersempenan Sambutan Ulang Tahun POMM yang Ke-40. Semua yang menang telah diberi pelbagai hadiah. Semua peserta dan pegawai yang menyertai rasa sangat gembira and telah berseronok.

(MMAA conducted some fun games throughout the 2 days competitions. The participants were given small gifts after taking part in the games. They were all very happy and enjoyed all the activities conducted including dancing)

## **ACARA ‘MIXED RELAY’**

Acara lari berganti-ganti campuran terbuka telah menarik minat banyak pasukan. Sebanyak 18 pasukan telah menyertai acara ini :

- |                |   |               |
|----------------|---|---------------|
| Pelari pertama | : | 200m (Wanita) |
| Pelari kedua   | : | 200m (Lelaki) |
| Pelari Ketiga  | : | 400m (Wanita) |
| Pelari Keempat | : | 800m (Lelaki) |

## **ULASAN**

Ramai atlet dan pegawai yang menyertai dalam kejohanan ini sangat puas hati dan gembira dengan penganjuran kejohanan. Mereka sangat tertarik dengan hadiah dan penyampaian hadiah, serta perjalanan semua acara mengikut masa. Kata-kata pujian daripada atlet dan pegawai-pegawai pasukan memberi semangat kepada pihak penganjur.

Beberapa performan yang dilakukan oleh atlet-atlet master adalah sangat mengagumkan dan menunjukkan betapa serious atlet-atlet master dalam penyertaan dalam kejohanan ini

*(Athletes and officials who participated in this championships were very happy with the organisations. They congratulated the organisers for a job well done. They also expressed their sincere thanks for creating opportunity for the master athletes. They are very keen to take part in the next year championships).*

## **SEMANGAT KESUKANAN**

Terima kasih kepada semua Persatuan Olahraga Master negeri, semua peserta dan pasukan yang telah menyertai dalam kejohanan ini dengan semangat kesukunan yang tinggi. Semua peserta telah menunjukkan sikap bekerjasama, perpaduan dan toleransi yang amat tinggi.

Penyertaan dari negara-negara luar telah membantu meningkatkan semangat atlet-atlet negara kita. Kejohanan ini juga telah membuka satu platform yang istimewa untuk peserta memperbaharui silaturrahim dalam kalangan umat manusia.

Atlet-atlet master sentiasa menunjukkan perlakuan dan sikap positif yang boleh dijadikan teladan yang amat baik kepada generasi muda.

*(Malaysian Masters Athletic Association - MMAA, express our appreciation to all participants from all the states and foreign countries who took part and exhibited sporting spirit throughout the championships. Master athletes have always been good examples to younger generation).*

## UCAPAN TERIMA KASIH

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Majlis Sukan Negara, Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Persatuan Olahraga WP Kuala Lumpur, Nestle Sdn Bhd dan Persatuan Kecemasan KL atas bantuan dan sokongan dalam menjayakan kejohanan ini. Bantuan , sokongan dan kerjasama ini telah membantu menjayakan usaha kami demi kesejahteraan atlet master negara.

### Di antara komen daripada peserta luar negara:

*I would just like to thank you and all your staff. It was a great experience joining the 36th MIOMAC . All are very approachable and friendly. I hope to join again for the next event. All the best!*  
Sincerely yours, Prof. REVELYN LORENZO-MARCOS, Philippines

*Dear respected Sir, first of all accept our wholehearted congratulations for conducting 36<sup>th</sup> MIOMAC. It was done with clinical perfection. Once again our gratitude for the hospitality shown during our visit – Dr. Nagur, India.*

*Thank you very much for the great championships, we really enjoyed ! – Sri Lanka*

*Thank you for inviting us to participate , we had a great time here, and good competition. We will definitely come next year – Pakistan*

*Good competition – Thank you very much for inviting us, we had a great time! – Hong Kong*

*Thanks sir for the meet, it's wonderful. I'll come next year – Marlon Niranga Paul, Dubai, UAE*

**S. Sivapragasam, AMW**  
**Presiden, Persatuan Olahraga Master Malaysia**  
**16 Oktober 2024**

### 36TH MIOMAC PHOTOS



**Master Throwers**



**YBhg Tuan Pesuruhjaya Sukan**



**MEDAL WINNERS**





### MASTER ATHLETES IN ACTION



### TEAM MANAGERS' MEETING





**AWARD RECIPIENT  
G. SURESH KUMAR**



**WMA GALLERY OF CHAMPION 2024  
JULIANA GUMPIL**



13/10/2024 15:39

**Awards to Largest contingents Managers**



## FOREIGN TEAMS



